KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

30 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! X
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Kesejahteraan masyarakat desa jadi keutamaan – TPM

Tingkat tadbir urus, perkasa luar bandar

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PETALING JAYA – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menekan empat aspek utama untuk memperkasa pembangunan lestari luar bandar yang lebih inklusif demi memastikan kesejahteraan masyarakat di desa dan wilayah.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dalam hantaran di Facebook berkata, empat aspek berkenaan adalah peningkatan tadbir urus atau tata-kelola yang baik lagi efisien di peringkat kawasan setempat.

Jelasnya, daerah dan wilayah dengan menghubungkan sektor swasta, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang strategik juga perlu diutamakan.

Kata Timbalan Perdana Menteri itu juga, ia perlu melibatkan pembangunan sektor-sektor produktif yang merujuk kepada bidang pertanian, industri bukan pertanian, perlombongan, pelancongan, sumber alam semula jadi, pengurusan alam sekitar dan sebagainya.



AHMAD ZAHID

"Pembangunan institusi dan keupayaan beberapa bidang tujahan termasuk bidang pendidikan, latihan, kesihatan, penyelidikan lanjutan, pemasaran, simpanan dan kredit, pengangkutan, alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan infrastruktur desa termasuk jalan-jalan raya, elektrik, telekomunikasi, perumahan, air, kesihatan awam dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, kesemua naratif, definisi, preskripsi, deskripsi mengenai ciri pembangunan desa dan wilayah perlu dihalusi kerana ini akan mempengaruhi wacana dan naratif masyarakat desa.

"Penegasan ini penting untuk menyerlahkan kualiti inklusif yang merupakan bahagian daripada entiti masyarakat yang lebih besar yang perlu diberikan keutamaan berterusan oleh agensi, kementerian dan masyarakat.

"Hal ini juga untuk memastikan imperatif konsep desa yang pernah saya kemukakan sebelum ini bergerak sejajar dengan misi dan visi kementerian," ujarnya.

Katanya lagi, ini adalah tanggungjawab kepada semua pihak bagi memastikan usaha membina kelestarian pembangunan desa dan wilayah dapat dilaksanakan dengan baik.

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pemerkasaan pembangunan lestari luar bandar perlu inklusif: Zahid

Penegasan ini penting untuk menyerlahkan kualiti inklusif yang merupakan bahagian daripada entiti masyarakat yang perlu diberikan keutamaan berterusan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan memastikan empat aspek utama dalam memperkasa pembangunan lestari luar bandar yang lebih inklusif untuk diterap dan dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat desa dan wilayah.

Menterinya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata empat aspek tersebut antara lain meliputi peningkatan tadbir urus atau tatakelola yang baik lagi efisien di peringkat kawasan setempat, daerah, dan wilayah dengan menghubungkan sektor swasta, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang strategik.

> "Hal ini juga untuk memastikan imperatif konsep desa yang pernah saya kemukakan sebelum ini bergerak sejajar dengan misi dan visi kementerian. Adalah tanggungjawab kepada kita semua bagi memastikan kelestarian pembangunan desa dan wilayah."
>
> **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**
> *Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah*

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata aspek lain ialah pembangunan sektor produktif yang merujuk kepada bidang pertanian, industri bukan pertanian, perlombongan, pelancongan, sumber alam semula jadi, pengurusan alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan institusi dan keupayaan beberapa bidang tujahan termasuk bidang pendidikan, latihan, kesihatan, penyelidikan lanjutan, pemasaran, simpanan dan kredit, pengangkutan, alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan infrastruktur desa termasuk jalan-jalan raya, elektrik, telekomunikasi, perumahan, air, kesihatan awam dan sebagainya," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau.

Ahmad Zahid berkata kesemua naratif, definisi, preskripsi, deskripsi mengenai ciri pembangunan desa dan wilayah perlu dihalusi kerana ini akan mempengaruhi wacana dan naratif masyarakat desa.

Beliau berkata penegasan ini penting untuk menyerlahkan kualiti inklusif yang merupakan bahagian daripada entiti masyarakat yang lebih besar yang perlu diberikan keutamaan berterusan oleh agensi, kementerian dan masyarakat.

"Hal ini juga untuk memastikan imperatif konsep desa yang pernah saya kemukakan sebelum ini bergerak sejajar dengan misi dan visi kementerian. Adalah tanggungjawab kepada kita semua bagi memastikan kelestarian pembangunan desa dan wilayah," katanya. — Bernama

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

New Sarawak Tribune

Rural development must be inclusive

KUALA LUMPUR: The Ministry of Rural and Regional Development will focus on four main aspects in empowering rural sustainable development to ensure the well-being of rural and regional communities.

Its minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the four aspects include the improvement of good and efficient governance at the local, district and regional levels by connecting the private sector, civil society and government agencies.

"Programmes of change and transformation for rural areas need to be inclusive. Another aspect is the development of the productive sector which refers to agriculture, non-agricultural industries, mining, tourism, natural resources, environmental management and so on. .


"The institutional and capability development in several thrust areas including education, training, health, advanced research, marketing, savings and credit, transportation, environment and so on.

"The development of rural infrastructure including roads, electricity, telecommunications, housing, water, public health and so on," said Ahmad Zahid, who is Deputy Prime Minister, in a Facebook posting yesterday.


Ahmad Zahid said that all narratives, definitions, prescriptions, descriptions about the characteristics of rural and regional development need to be refined because this will affect the discourse and narrative of rural communities.

He said this affirmation is important to highlight the inclusive quality that is part of a larger societal entity that needs to be given continuous priority by agencies, ministries and the community.

"This is also to ensure that the imperative of the village concept that I have presented before moves in line with the ministry's mission and vision. It is our responsibility to ensure the sustainability of rural and regional development," he said. – BERNAMA



ZAHID



EMPOWERING rural sustainable development.

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Empowerment of sustainable rural development must be inclusive — Zahid

KUALA LUMPUR: The Ministry of Rural and Regional Development will focus on four main aspects in empowering rural sustainable development to ensure the well-being of rural and regional communities.

Its minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the four aspects include the improvement of good and efficient governance at the local, district and regional levels by connecting the private sector, civil society and government agencies.

"Programmes of change and transformation for rural areas need to be inclusive. Another aspect is the development of the productive sector which refers to agriculture, non-agricultural industries, mining, tourism, natural resources, environmental management and so on.

"The institutional and capability development in several thrust areas including education, training, health, advanced research, marketing, savings and credit, transportation, environment and so on.

"The development of rural infrastructure including roads, electricity, telecommunications, housing, water, public health and so on," said Ahmad Zahid, who is Deputy Prime Minister, in a Facebook posting yesterday.

Ahmad Zahid said that all narratives, definitions, prescriptions, descriptions about the characteristics of rural and regional development need to be refined because this will affect the discourse and narrative of rural communities.

He said this affirmation is important to highlight the inclusive quality that is part of a larger societal entity that needs to be given continuous priority by agencies, ministries and the community.

"This is also to ensure that the imperative of the village concept that I have presented before moves in line with the ministry's mission and vision. It is our responsibility to ensure the sustainability of rural and regional development," he said. — Bernama

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE
Utusan Sarawak

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

JUMAAT 30 DISEMBER 2022 6 JAMADILAKHIR 1444H

Utusan Sarawak

Pemerkasaan pembangunan lestari luar bandar perlu inklusif



KUALA LUMPUR: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan memastikan empat aspek utama dalam memperkasa pembangunan lestari luar bandar yang lebih inklusif untuk diterap dan dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat desa dan wilayah.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi ***(gambar)*** berkata, empat aspek tersebut antara lain meliputi peningkatan tadbir urus atau tata kelola yang baik lagi efisien di peringkat kawasan setempat, daerah dan wilayah dengan menghubungkan sektor swasta, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang strategik.

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, aspek lain ialah pembangunan sektor produktif yang merujuk kepada bidang pertanian, industri bukan pertanian, perlombongan, pelancongan, sumber alam semula jadi, pengurusan alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan institusi dan keupayaan beberapa bidang tujahan termasuk bidang pendidikan, latihan, kesihatan, penyelidikan lanjutan, pemasaran, simpanan dan kredit, pengangkutan, alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan infrastruktur desa termasuk jalan-jalan raya, elektrik, telekomunikasi, perumahan, air, kesihatan awam dan sebagainya," katanya menerusi hantaran dalam laman Facebook beliau.

Ahmad Zahid berkata, kesemua naratif, definisi, preskripsi, deskripsi mengenai ciri pembangunan desa dan wilayah perlu dihalusi kerana ini akan mempengaruhi wacana dan naratif masyarakat desa.

Jelasnya, penegasan ini penting untuk menyerlahkan kualiti inklusif yang merupakan bahagian daripada entiti masyarakat yang lebih besar yang perlu diberikan keutamaan berterusan oleh agensi, kementerian dan masyarakat.

"Hal ini juga untuk memastikan imperatif konsep desa yang pernah saya kemukakan sebelum ini bergerak sejajar dengan misi dan visi kementerian. Adalah tanggungjawab kepada kita semua bagi memastikan kelestarian pembangunan desa dan wilayah," katanya. - Bernama

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

4 aspek utama perkasa pembangunan luar bandar

Kuala Lumpur: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan memastikan empat aspek utama dalam memperkasa pembangunan lestari luar bandar yang lebih inklusif untuk diterap dan dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat desa serta wilayah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata empat aspek berkenaan antara lain membabitkan peningkatan tadbir urus atau tata kelola yang baik dan efisien pada peringkat kawasan setempat, daerah serta wilayah dengan menghubungkan sektor swasta, masyarakat sivil dan agensi kerajaan yang strategik.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, aspek lain ialah pembangunan sektor produktif yang merujuk kepada bidang pertanian, industri bukan pertanian, perlombongan, pelancongan, sumber alam semula jadi, pengurusan alam sekitar dan sebagainya.

"Pembangunan institusi dan keupayaan beberapa bidang tujahan termasuk bidang pendidikan, latihan, kesihatan, penyelidikan lanjutan, pemasaran, simpanan dan kredit, pengangkutan, alam sekitar serta sebagainya.

"Pembangunan infrastruktur desa termasuk jalan raya, elektrik, telekomunikasi, perumahan, air, kesihatan awam dan sebagainya," katanya menerusi hantaran pada laman Facebooknya, semalam.

Perhalusi pelbagai aspek

Ahmad Zahid berkata, semua naratif, definisi, preskripsi, deskripsi mengenai ciri pembangunan desa dan wilayah perlu dihalusi kerana ini akan mempengaruhi wacana serta naratif masyarakat desa.

Beliau berkata, penegasan ini penting untuk menyerlahkan kualiti inklusif yang juga bahagian daripada entiti masyarakat yang lebih besar perlu diberikan keutamaan berterusan oleh agensi, kementerian dan masyarakat.

"Hal ini juga untuk memastikan imperatif konsep desa yang pernah saya kemukakan sebelum ini bergerak sejajar misi dan visi kementerian. Kita semua bertanggungjawab memastikan kelestarian pembangunan desa dan wilayah," katanya.

BERNAMA

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pusat GiatMARA Kalabakan mula operasi Julai tahun depan

Oleh Hamzah Sanudin

KALABAKAN: Pusat kemahiran GiatMARA Kalabakan bakal memulakan operasi pada Julai tahun depan.

Pembantu Menteri Belia dan Sukan Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy menyambut baik pembukaan pusat berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kalabakan berkata, pusat itu dilihat sebagai permulaan yang baik kepada masyarakat di daerah ini khususnya belia untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran.

Katanya, pusat kemahiran yang julung kali dibuka di daerah Kalabakan itu sudah pasti mendapat sambutan menggalakkan daripada belia terutamanya di kawasan pedalaman.

"Sebagai Ahli Parlimen Kalabakan, sudah pasti mengimpikan supaya lebih banyak lagi pusat pendidikan akademik dan kemahiran dibuka di kawasan saya.

"Saya berhasrat untuk menjadikan pekan Merotai sebagai hub-pendidikan supaya pembangunan sumber manusia di Kalabakan seiring dengan perkembangan ekonomi semasa," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu ini berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat daripada Pengurus Pusat GiatMARA Kalabakan dan Tawau, di sini baru-baru ini.

Suryady berkata, pusat itu akan dibuka di kawasan lot komersial Taman Merotai, Merotai besar dan kini kerja-kerja renovasi sedang giat dilaksanakan.

"Saya difahamkan, sebagai permulaan terdapat tiga jenis kursus kemahiran yang akan ditawarkan iaitu jahitan, bengkel dan bakeri.

"Setiap kursus masing-masing akan menerima sehingga 20 orang pelajar pada satu-satu masa untuk tempoh enam bulan (sepenuh masa)," katanya.

Selain itu beliau berkata, pusat itu juga menawarkan kursus jangka masa pendek berkonsepkan 3L (Long Life Learning) untuk peserta yang ingin meningkatkan kemahiran.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak GiatMARA kerana memilih daerah Kalabakan sebagai lokasi pusat pendidikan mereka.

"Belia di kawasan Kalabakan diminta supaya mengambil peluang yang disediakan oleh GiatMARA bagi meningkatkan kemahiran mereka," katanya.

Turut hadir, Pemimpin Pembangunan Masyarakat DUN Merotai Jailani Chachu; Pengurus Pusat GiatMARA Kalabakan Baharudin Jakaria dan Pengurus GiatMARA Tawau Jupri Gamad.



SAMBUT BAIK: Suryady (tengah) semasa menerima kunjungan pengurus Pusat GiatMARA Kalabakan dan Tawau.

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

New Sarawak Tribune

Orang Asli folks worry about bear sightings

GUA MUSANG: More than 200 Orang Asli residents of Kampung Perawas, Pos Balar, are worried about their safety following sightings of an adult bear near their settlement since last week.

A villager, Hasmadi Ghazali, 44, said he saw the animal near his house and immediately called some villagers to chase it away.

"Around 6.30 pm, I heard some noises coming from the side of the house and was surprised to see an adult bear moving towards the durian tree planted behind the house.

"I think the bear came to the village to eat the durian fruit planted by the villagers. The bear was chased away by the villagers with spears and knives," he told reporters when met at Pos Balar yesterday.

Norsiah Along, 48, said she was very concerned about the safety of the Orang Asli community in the village, especially the children who went out to look for durians in the orchards.

"The children usually go to the orchard near the house early in the morning to pick up fallen durians," she said.

Meanwhile, Orang Asli Development Department (JAKOA) deputy director-general (Planning and Management) Saiful Zahlan Muhamad Azmi said the department had notified the Wildlife and National Parks Department (Perhilitan) about the matter.

"We will discuss the control and appropriate measures to be taken to prevent the animal from entering the villages," he said. – BERNAMA

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



SAMBUT BAIK: Suryady (tengah) semasa menerima kunjungan pengurus Pusat GIATMARA Kalabakan dan Tawau.

Pusat GIATMARA Kalabakan mula operasi Julai tahun depan

KALABAKAN: Pusat kemahiran GIATMARA Kalabakan bakal memulakan operasi pada Julai tahun depan.

Pembantu Menteri Belia dan Sukan Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy menyambut baik pembukaan pusat berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kalabakan berkata, pusat itu dilihat sebagai permulaan yang baik kepada masyarakat di daerah ini khususnya belia untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran.

Katanya, pusat kemahiran yang julung kali dibuka di daerah Kalabakan itu sudah pasti mendapat sambutan menggalakkan daripada belia terutamanya di kawasan pedalaman.

"Sebagai Ahli Parlimen Kalabakan, sudah pasti mengimpikan supaya lebih banyak lagi pusat pendidikan akademik dan kemahiran dibuka di kawasan saya.

"Saya berhasrat untuk menjadikan pekan Merotai sebagai hub-pendidikan supaya pembangunan sumber manusia di Kalabakan seiring dengan perkembangan ekonomi semasa," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu ini berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat daripada Pengurus Pusat GIATMARA Kalabakan dan Tawau, di sini baru-baru ini.

Suryady berkata, pusat itu akan dibuka di kawasan lot komersial Taman Merotai, Merotai besar dan kini kerja-kerja renovasi sedang giat dilaksanakan.

"Saya difahamkan, sebagai permulaan terdapat tiga jenis kursus kemahiran yang akan ditawarkan iaitu jahitan, bengkel dan bakeri.

"Setiap kursus masing-masing akan menerima sehingga 20 orang pelajar pada satu-satu masa untuk tempoh enam bulan (sepenuh masa)," katanya.

Selain itu beliau berkata, pusat itu juga menawarkan kursus jangka masa pendek berkonsepkan 3L (Long Life Learning) untuk peserta yang ingin meningkatkan kemahiran.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak GIATMARA kerana memilih daerah Kalabakan sebagai lokasi pusat pendidikan mereka.

"Belia di kawasan Kalabakan diminta supaya mengambil peluang yang disediakan oleh GIATMARA bagi meningkatkan kemahiran mereka," katanya.

Turut hadir, Pemimpin Pembangunan Masyarakat DUN Merotai Jailani Chachu; Pengurus Pusat GIATMARA Kalabakan Baharudin Jakaria dan Pengurus GIATMARA Tawau Jupri Gamad.

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐



PENDALAMAN: Tinjauan udara jalan darat untuk ke perkampungan masyarakat Orang Asli daripada suku Temiar di Pos Balar yang berada jauh di pedalaman dan di kawasan berbukit, Gua Musang, semalam. — Gambar Bernama

200 Orang Asli gusar kemunculan beruang di Kampung Perawas

LEBIH 200 penduduk Orang Asli di Kampung Perawas, Pos Balar, berada dalam kegusaran dan kebimbangan berikutan kehadiran seekor beruang dewasa dekat kawasan penempatan mereka sejak minggu lepas.

Penduduk Hasmadi Ghazali, 44, berkata dia ternampak haiwan tersebut berada di kawasan rumahnya dan segera memanggil beberapa penduduk kampung untuk menghalau mamalia itu menggunakan tombak dan pisau.

"Kira-kira 6.30 petang saya terdengar bunyi di tepi rumah dan berasa terkejut mendapati seekor beruang dewasa sedang berjalan menuju ke pokok durian yang ditanam di belakang rumah.

"Saya percaya beruang tersebut masuk ke kampung untuk makan buah durian yang ditanam penduduk. Beruang itu berjaya dihalau penduduk kampung dengan menggunakan tombak dan pisau," katanya ketika ditemui pemberita di Pos Balar, di Gua Musang, semalam.

Beliau berkata beberapa penduduk kampung juga sering terjumpa kesan buah durian dimakan oleh haiwan liar itu, namun minggu lepas merupakan kali pertama berlaku pertembungan antara mereka dengan beruang terbabit.

Bagi Norsiah Along, 48, pula berkata dia amat khuatir akan keselamatan masyarakat Orang Asli di perkampungan tersebut terutamanya kanak-kanak yang keluar mencari durian di kawasan kebun.

"Kanak-kanak paling seronok kutip durian gugur dan biasanya setiap awal pagi lagi mereka sudah turun cari durian di kawasan kebun berhampiran rumah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Saiful Zahlan Muhamad Azmi yang ditemui ketika menyampaikan bekalan makanan kepada penduduk di Kampung Perawas berkata perkara tersebut telah diambil maklum oleh pihaknya dan akan mengadakan perbincangan bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Kita akan berbincang dari segi kawalan dan langkah-langkah sepatutnya yang perlu diambil untuk mengelakkan haiwan tersebut masuk ke kawasan perkampungan kerana kita tidak mahu haiwan liar itu mengancam keselamatan penduduk," katanya. — Bernama

TARIKH:
30 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro X
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

200 Orang Asli Kampung Perawas resah kemunculan beruang

Gua Musang: Kemunculan seekor beruang di perkampungan Orang Asli Kampung Perawas, Pos Balar di sini, sejak seminggu lalu menimbulkan kebimbangan kepada lebih 200 masyarakat suku kaum Temiar di kawasan itu.

Difahamkan, beruang terbabit masuk ke kampung untuk mendapatkan makanan termasuk buah durian yang ditanam penduduk.

Penduduk Kampung, Hasmadi Ghazali, 44, berkata, dia bersama ahli keluarga sedang berehat di rumahnya kira-kira jam 6.30 petang sebelum terdengar bunyi bising di tepi rumah.

Menurutnya, dia terus melihat ke luar rumah dan mendapati seekor beruang sedang berjalan menuju ke pokok durian di belakang kediamannya itu.

"Saya terus memanggil beberapa penduduk kampung untuk menghalau beruang itu.

"Dengan menggunakan tombak dan pisau untuk mempertahankan diri sekiranya haiwan itu menyerang, kami memeriksa di kawasan itu dan sekitar kampung tetapi beruang didapati sudah lari semula ke hutan.

"Sebelum ini, kami hanya melihat kesan buah durian yang dimakan beruang tetapi seminggu lalu sudah melihat sendiri kemunculannya di kawasan kampung," katanya ketika ditemui di os Balar di sini, kelmarin.

> "Ketika kejadian, kami bernasib baik kerana berada di dalam rumah"
> Norsiah

Norsiah Along, 48, berkata, kemunculan beruang itu membimbangkan penduduk kampung terutama keselamatan kanak-kanak.

"Setiap hari, awal pagi lagi anak-anak sudah turun mengutip durian di kebun berhampiran rumah.

"Bila sudah nampak sendiri, saya jadi takut jika mereka akan terserempak dengan beruang ketika mencari durian.

"Ketika kejadian, kami bernasib baik kerana berada di dalam rumah" katanya

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Saiful Zahlan Muhamad Azmi berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi memastikan kehadiran haiwan liar tidak mengancam keselamatan penduduk kampung.

"Kita akan berbincang dari segi kawalan dan langkah-langkah sepatutnya diambil untuk mengelakkan haiwan itu masuk ke perkampungan.

"Jadi kita tidak mahu haiwan liar menjejaskan dan mengancam keselamatan penduduk di perkampungan Orang Asli," katanya.